

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

AMU302 - PENGIKLANAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Apakah pemasaran tindakbalas langsung (direct response marketing)?
- (b) Apakah ciri-ciri periklanan tindakbalas langsung (direct response advertising)?
- (c) Apakah kebaikan-kebaikannya berbanding bentuk periklanan yang lain?
- (d) Apakah kekurangan dan masalah periklanan tindakbalas langsung ini?

[25 markah]

2. (a) Apakah jualan promosi? Apakah golongan promosi jualan dari sudut tiga sasaran audiennya?
- (b) Apakah perbezaan di antara promosi jualan dan periklanan? Apakah persamaan-persamaannya? Bilakah sepatutnya ia dijalankan bersama-sama?
- (c) "Periklanan membina jenama, jualan promosi memusnahkan jenama". Bincangkan secara ringkas.

[25 markah]

...2/-

3. Apakah objektif periklanan 'business to business'? Berikan tiga peraturan atau garis panduan untuk menghasilkan periklanan 'business to business'. Bincangkan secara ringkas semua media periklanan jenis ini bersama-sama kebaikan-kebaikan dan kelemahan-kelemahannya.

[25 markah]

4. Senaraikan kaedah-kaedah penyelidikan untuk menilai pengiklanan dan bincangkan tiga dari kaedah tersebut dengan menyatakan kekuatan dan kelemahannya.

[25 markah]

5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan periklanan 'memecah-terus' (breakthrough)? Bagaimanakah ianya dijayakan?

[6 markah]

- (b) Bagaimanakah pembinaan tanggapan-pemikiran-pemujukan berkaitan dengan periklanan?

[12 markah]

- (c) Apakah 'cadangan jualan unik' (U.S.P.)? Berikan sekurang-kurangnya dua contoh yang terbaik.

[7 markah]

6. (a) Apakah yang membezakan perhubungan awam dengan periklanan? Adakah perhubungan awam mempunyai kelebihan yang tidak ada pada periklanan? Terangkan.

[12 markah]

- (b) Takrifkan konsep 'pendapat awam'. Mengapa ianya sangat penting kepada kejayaan perhubungan awam?

[7 markah]

- (c) Apakah kesukaran-kesukaran dalam membuat penilaian terhadap program perhubungan awam?

[6 markah]

---ooo000ooo---